



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

PERTANDINGAN LIGA REMAJA KREATIF 2015 KEMBALI UNTUK KALI KE-5

CYBERJAYA: 27 Februari 2015 --- Pertandingan mencipta kandungan dalam talian untuk pelajar sekolah menengah yang dikenali sebagai Liga Remaja Kreatif (LRK) kini kembali untuk kali ke-5. Pertandingan anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Telekom Malaysia (TM) dan Media Prima (MPB) amat dinanti-nantikan oleh pelajar sekolah menengah yang berbakat dalam bidang kandungan kreatif.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia yang juga warganegara Malaysia. Setiap penyertaan mestilah dilakukan secara berkumpulan yang terdiri daripada empat orang pelajar. Hasil karya asli mestilah yang belum pernah dihantar ke mana-mana pertandingan lain dan mestilah dihasilkan di dalam Bahasa Malaysia. Tarikh tutup pertandingan adalah pada 4 April 2015.

Tema untuk pertandingan LRK pada tahun ini adalah "Inovasi Jalur Lebar – Gaya Hidup Digital Malaysia" dan ianya dibahagikan kepada empat kategori iaitu Video, Aplikasi Mudah Alih dan Portal Internet dan Arduino dan Raspberry Pi.

Pertandingan LRK 2015 ini merupakan susulan kepada kejayaan MCMC dalam menganjurkan Pertandingan LRK 2015 yang telah mendapat sambutan yang amat baik daripada sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Melalui pertandingan tahun lalu para pelajar berjaya mempamerkan kreativiti mereka dengan menghasilkan kandungan tempatan yang memerlukan mereka mendalami kemahiran IT dan Multimedia.

Hadiah pertandingan kali ini termasuk wang tunai berjumlah RM224,000 berserta iPhone. Pemenang juga akan membawa pulang piala dan sijil penyertaan serta berpeluang untuk



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

menyertai Kem Pembangunan Remaja Kreatif, di mana mereka berpeluang untuk mendapat tunjuk ajar daripada pakar-pakar dalam industri pembikinan kandungan kreatif dalam talian.

Mereka yang berminat untuk menyertai pertandingan ini, boleh melayari laman sesawang LRK 2015 di <http://lrk.mcmc.gov.my> untuk mengetahui syarat-syarat pertandingan dan maklumat lanjut mengenai pertandingan tersebut.

[Tamat]

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my